

Konsep Pengurusan Kewangan Keluarga Menurut Maqasid Syariah

Suzana Md Samsudi
Siti Shamsiah Md Supi
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Abstrak

Pemeliharaan keturunan (*hifz an-nasl*) merupakan aspek daruriyyah dan salah satu daripada lima masalah asas bagi pembentukan masyarakat dan negara yang sejahtera. Di Malaysia, aspek pengurusan kewangan keluarga yang lemah dilihat sebagai salah satu isu yang menyumbang kepada masalah institusi kekeluargaan sehingga menyebabkan berlakunya kes-kes perceraian. Kajian literatur yang berkaitan dengan aspek pengurusan kewangan banyak tertumpu kepada skop pengurusan kewangan individu dengan aspek Islami yang terhad. Justeru kertas kerja ini menghuraikan aspek pengurusan kewangan Islam yang memberi fokus kepada kewangan keluarga berlandaskan Maqasid Syariah. Konsep yang telah dihuraikan boleh dijadikan sebagai panduan untuk membentuk modul pengurusan kewangan keluarga Muslim, polisi pengeluaran produk kewangan keluarga Islam atau input pembentukan polisi ekonomi keluarga yang selari dengan Maqasid Syariah.

Kata Kunci: Pengurusan kewangan, Keluarga, *Maqasid syariah*

1.0 Pengenalan

Dalam Islam, pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) merupakan salah satu daripada lima tujuan asas bagi pembentukan masyarakat dan negara yang sejahtera. Keluarga yang berfungsi sebagai unit asas sosial yang membentuk masyarakat juga perlu mempunyai pemilikan dan pemeliharaan harta yang kukuh bagi menjamin pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang.

Di Malaysia, aspek pengurusan kewangan keluarga yang lemah dilihat sebagai salah satu isu yang menyumbang kepada masalah kekeluargaan sehingga menyebabkan berlakunya perpecahan keluarga. Laporan-laporan terkini yang berkaitan dengan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia menunjukkan aspek pengurusan kewangan keluarga merupakan salah satu isu yang perlu diberi perhatian khusus.

Sebagai contoh, Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2016 menunjukkan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia telah menurun berdasarkan rekod peningkatan dalam kadar perceraian bagi tempoh 2000 hingga 2012. Antara faktor-faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada kes perceraian ialah kurang pemahaman terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai suami isteri, campur tangan pihak ketiga dan faktor kewangan atau ekonomi (Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013).

Laporan Indeks Syariah Malaysia (ISM) 2017 pula menunjukkan bahawa usaha untuk mencapai Maqasid Syariah telah dipertingkatkan dalam pelbagai bidang termasuk aspek keluarga, sosial serta ekonomi di Malaysia. Walaupun usaha telah ditingkatkan di dalam tempoh dua tahun, namun tahap pencapaian kesejahteraan keluarga yang menurun bagi tempoh lima dan lebih sepuluh tahun amat membimbangkan dan wajar diberi perhatian.

Kajian literatur yang berkaitan dengan aspek pengurusan kewangan banyak tertumpu kepada skop pengurusan kewangan individu dengan aspek Islami yang terhad. Mengambil kira keutamaan pengurusan kewangan bagi pembentukan keluarga yang sejahtera, justeru kertas ini bertujuan untuk menghuraikan konsep pengurusan kewangan keluarga menurut *maqasid al-shariah* dan seterusnya menyumbang kepada literatur dalam konteks pengurusan kewangan keluarga Islam.

2.0 *Maqasid Al-Shariah* Dalam Pengurusan Kewangan

Pendapatan atau rezeki yang diraih adalah amanah Allah yang perlu diurus dengan betul. Pendapatan yang diperoleh itu perlu disambut dengan penuh kesyukuran dan reda (al-Baqarah [2]: 172), berserta rasa takut dan takwa terhadap Allah. Sebagaimana peringatan Allah SWT yang bermaksud: "Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya ke jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya." (Al-Taubah [9]: 34)

Peringatan atau amaran keras yang disampaikan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah, diseimbangkan dengan janji yang baik menerusi firman-Nya yang bermaksud: "Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan berikan balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan." (Surah an-Nahl [16]: 97)

Kesederhanaan dan pengurusan kewangan yang seimbang terangkum dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tidaklah melampaui batas, dan tiada bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu." (Al-Furqan [25]: 67).

Pengurusan kewangan berlandaskan syariah bertujuan supaya manusia yang berperanan sebagai khalifah dan bertanggungjawab untuk membangunkan dan memakmurkan muka bumi ini dapat mencapai satu kehidupan yang baik (hayatan tayyiban) dan seimbang. Kehidupan yang baik bererti mampu menjalani kehidupan dengan sejahtera, tanpa meminta-minta dan mempunyai kebebasan kewangan. Individu yang mempunyai kebebasan kewangan mampu memperoleh barangan yang dihajati atau diperlukan dengan mudah dan tanpa kekangan kewangan. Ia juga turut memberi maksud sebagai bebas daripada cengkaman sebarang hutang terutamanya hutang kepada perkara-perkara yang kurang penting dan sia-sia.

Perkara ini adalah asas bagi seseorang manusia dan ahli keluarganya untuk hidup dalam rahmat dan kasih sayang Allah, mendapat keberkatan-Nya (barakah) dan pada akhirnya akan mendapat keredaan-Nya (mardhatillah) sebagai Maha Pencipta. Keredaan Allah SWT adalah puncak atau destinasi akhir tujuan hidup seorang hamba dalam pelbagai sudut kehidupan termasuk dari sudut pengurusan kewangan.

2.1 Wang dan Harta menurut *Maqasid al-Shariah*

Maqasid al-shariah secara ringkas boleh difahami sebagai objektif yang ditentukan dalam syariat Islam dan perlu dicapai bagi kepentingan umat manusia (al-Raisuni, t.t.: 15). Tujuan agama Islam diturunkan kepada umat manusia adalah untuk menjaga semua jenis kepentingan manusia dalam semua aspek kehidupan (Mahmood Zuhdi et. al, 2012: 12). Aspek-aspek berkenaan boleh dibahagikan kepada lima kategori utama iaitu perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam al-Quran, terdapat beberapa ayat yang merujuk kepada lima perkara berkenaan sebagai perkara asas dalam kehidupan (Mahmood Zuhdi et.al.: 25).

Kepentingan wang dan harta sebagai asas pembangunan kehidupan manusia ada dinyatakan dalam Surah an-Nisaa'. Dalam erti kata lain, kepentingan dan kehidupan manusia juga bergantung kepada harta kekayaan (al-Maraghi: 654). Ini menunjukkan wang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung kepada kepentingan empat kategori tujuan (*maqсад*) syariah yang lain. Contohnya, wang diperlukan untuk membeli pakaian bagi menutup aurat kerana ia berkaitan dengan kepentingan agama dan untuk beribadah; wang diperlukan untuk membayar yuran pengajian kerana ia menjaga kepentingan akal; wang diperlukan bagi membiayai kos perubatan seseorang kerana ia melibatkan kepentingan diri dan nyawa; dan wang diperlukan untuk membayar upah pengasuh yang menjaga anak-anak yang masih kecil dan itu adalah untuk menjaga kepentingan keturunan.

Disebabkan kepentingannya, agama Islam memberikan hak dan kebebasan kepada manusia untuk mengusahakannya, memperoleh, memiliki dan menikmatinya. Demi mempertahankan hak dan kebebasan tersebut, Islam memperuntukkan undang-undang supaya ia dapat dilindungi daripada sebarang pencerobohan, rampasan, penipuan atau manipulasi (al-Ma'idah [5]: 38).

Dalam konteks usaha untuk mencari pendapatan supaya dapat dinikmati diri sendiri dan ahli keluarga, sewajibnya pendapatan yang dicari adalah daripada sumber yang halal dan dengan cara yang dibenarkan syariat. Ia tidak boleh diperoleh dengan cara yang salah seperti penipuan, mengamalkan riba (al-Baqarah [2]: 275, 278-279) dan rasuah (al-Baqarah [2]: 188). Dalil ini dikukuhkan lagi dengan sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya, daging yang dibesarkan dengan sumber yang haram, maka nerakalah yang lebih utama untuknya" (Hadis riwayat al-Tabarani).

2.2 Aplikasi *Maslahah* dalam Pengurusan Kewangan Keluarga

Konsep *maslahah* mempunyai kaitan yang akrab dengan konsep *maqasid al-shariah*. Menurut al-Shatibi, objektif dalam konteks *maqasid al-shariah* adalah memelihara *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah* yang mengandungi lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibi, t.th: j. 2, 7). *Maslahah* boleh ditakrifkan sebagai manfaat yang berlandaskan hukum syarak yang menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mengikut peringkat (al-Buti, 2000: 27). Peringkat tersebut adalah sama sebagaimana dalam konteks *maqasid al-shariah* iaitu *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah*.

Maslahah al-daruriyyah ialah setiap perkara yang dimaksudkan oleh Allah untuk dipelihara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut pandangan syarak, kelima-lima perkara ini amat perlu dalam setiap kehidupan manusia. Sekiranya salah satu daripadanya tiada, kehidupan menjadi pincang dan tidak lancar. Oleh yang demikian, ibadah diwajibkan untuk menjaga

agama. Sementara undang-undang diwujudkan bagi memelihara kelima-lima perkara berkenaan. Kesimpulannya, konsep *masalah al-daruriyyah* bertujuan untuk memelihara lima perkara tersebut (Mohd Saleh, 1999: 124).

Sementara *masalah al-hajiyyah* pula ialah satu keperluan bagi kelegaian dan menghilangkan kesempitan yang mana tanpanya boleh membawa kepada kesusahan dan kesempitan. Ketiadaan keperluan pada peringkat ini tidak membawa kepada *darurah* atau kebinasaan sebagaimana lazimnya (al-Shatibi: j. 2, 9).

Mengikut susunan *masalah, al-tahsiniyyah* terletak pada peringkat yang ketiga. *Tahsiniyyah* bagi manusia adalah setiap perkara yang boleh mengindahkan lagi keadaan keperluan mereka, dan menjadikannya lebih kemas dan rapi sesuai dengan kehendak maruah dan akhlak yang mulia seperti pakaian, budaya pemakanan, sedekah atau seumpamanya (al-Shatibi: j. 2, 9-19). Dengan demikian akan dapat membentuk sahsiah Muslim yang unggul (Paizah & Ridzwan, 2000: 177).

Konsep *masalah* dan susunannya perlu difahami kerana ia berfungsi sebagai panduan dalam pengurusan kewangan keluarga. Seseorang individu juga boleh menyusun keperluan dan kehendak mengikut keutamaan atau disebut sebagai *awlawiyyat*.

2.3 Isu-isu *Hifz al-Mal* dalam Konteks Keluarga

Hifz al-mal atau pemeliharaan harta merupakan salah satu keperluan *daruriyyah* dalam *maqasid al-shariah*. Menurut Çizakça (2007), perlindungan harta telah ditafsirkan secara tradisional sebagai hak seorang Muslim untuk melindungi hartanya. Ini menjadi tuntutan sesebuah negara untuk menjamin hak harta benda yang merupakan keperluan yang sangat penting bagi pembangunan ekonomi Islam. Pengurusan kewangan keluarga yang tidak baik misalnya, boleh menjejaskan proses pembangunan ekonomi dan masyarakat secara keseluruhan.

Terdapat beberapa isu dan masalah berkaitan *hifz al-mal* dalam konteks pengurusan kewangan keluarga. Ini bermula daripada kegagalan kewangan untuk menyediakan mahar atau mas kahwin dan wang hantaran sehingga menyebabkan sebahagian Muslim lambat mendirikan keluarga.

Bagi Muslim yang telah berkeluarga, masalah boleh timbul sekiranya ada ahli keluarga yang hilang punca pendapatan atau menghadapi masalah kesihatan sehingga menyebabkan keperluan nafkah tidak dapat dipenuhi. Isu-isu juga boleh timbul apabila pasangan suami isteri bercerai dan timbul pertelingkahan terhadap harta sepencarian dan urusan nafkah anak. Masalah menjadi semakin rumit sekiranya terdapat ahli keluarga yang murtad selepas bercerai.

Sekiranya berlaku kematian dalam keluarga, masalah tuntutan dan perebutan harta pusaka juga boleh berlaku. Situasi ini boleh menyebabkan proses mahkamah yang lama dan pembekuan harta pusaka sehingga menjejaskan kebajikan waris seperti anak yatim dan ibu bapa yang uzur. Terdapat juga isu di mana waris keluarga menanggung beban untuk melunaskan hutang atau nazar ahli keluarga yang meninggal.

Terdapat isu di kalangan keluarga Muslim yang kaya dan berharta tetapi tidak mahu mengeluarkan zakat atau bersedekah. Terdapat juga keluarga Muslim yang mengamalkan gaya

hidup mewah dan berbelanja secara boros sehingga menyebabkan mereka terlibat dalam hutang terhadap barangan yang bukannya satu keperluan sehingga menjadi muflis. Malah terdapat keluarga Muslim yang tidak menggunakan kuasa kewangan untuk membeli barangan atau perkhidmatan halal atau patuh *syariah*.

Dalam perspektif *maqasid al-shariah*, isu-isu ini bukan sahaja mendatangkan masalah kepada keluarga-keluarga Muslim berkenaan tetapi juga boleh menjejaskan pembangunan ekonomi umat Islam secara keseluruhannya. Ini kerana harta umat Islam tidak dapat dimanfaatkan apabila harta tersebut dibekukan atau tidak menaikkan taraf ekonomi keluarga kelas bawahan kerana harta hanya beredar di sekeliling golongan kaya. Harta juga mengalir keluar daripada umat Islam apabila berlaku transaksi terhadap barangan yang tidak halal atau patuh *syariah* sehingga menghilangkan keberkatan terhadap urusan ekonomi dan kewangan umat Islam. Justeru konsep pengurusan kewangan keluarga dalam kerangka *maqasid al-shariah* perlu dijelaskan dan dihayati untuk mencapai kesejahteraan umat Islam.

3.0 *Maqasid Al-Shariah* Dalam Kewangan Keluarga

Objektif utama pengurusan kewangan adalah untuk mencapai status kebebasan kewangan. Proses pengurusan kewangan ini meliputi lima aspek; 1) Penghasilan harta; 2) Pengumpulan harta; 3) Perlindungan harta; 4) Pengagihan harta; dan 5) Penyucian harta. Kelima-lima aspek ini bukan sahaja untuk memenuhi keperluan kewangan individu dan keluarga tetapi juga untuk mencapai *maqasid al-shariah*.

3.1 Penghasilan Harta Keluarga

Penghasilan harta merupakan asas kepada proses pengurusan kewangan. Dalam fasa ini, aspek yang perlu diberikan perhatian utama adalah kemampuan kewangan ahli keluarga untuk memenuhi tanggungjawab masing-masing sebagai suami, isteri, ibubapa, anak-anak dan sebagainya.

Dalam Islam, suami merupakan ketua keluarga dan perlu menyediakan perbelanjaan kepada isteri, anak-anak, ibubapa dan mereka yang berada dalam tanggungan suami. Perbelanjaan kepada diri dan ahli keluarga adalah hak diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan, atau yang disebut sebagai nafkah (al-Baqarah [2]: 233) dan hukumnya adalah wajib. Pengertian nafkah itu termasuklah menyediakan makan minum, pakaian, tempat tinggal, pembantu rumah, kelengkapan rumah (Abdul Monir & Siti Shamsiah, 2006: 25), ibadah, perubatan kesihatan dan sebagainya (Abdul Monir & Siti Shamsiah: 61). Ia perlu ditunaikan menurut keperluan tanpa sifat bakhil (al-Baqarah [2]: 195), mahupun dengan cara yang membazir (Al-Israa' [17]: 27), boros, melampau atau berlebih-lebihan (Al-A'raaf [7]: 31). Salah satu dalil yang merujuk perkara ini adalah firman Allah SWT dengan maksudnya:

"Berikanlah kepada kerabatmu, dan orang-orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros dan melampau-lampau." (Al-Israa' [17]: 26)

Bentuk penghasilan wang atau harta untuk kegunaan keluarga bergantung kepada kesesuaian keluarga masing-masing. Kebanyakan isi rumah melakukan aktiviti *muamalat* (perdagangan) untuk menghasilkan pendapatan aktif yang diperolehi dalam bentuk upah, penjualan barangan atau keuntungan perniagaan. Bagi keluarga yang telah memiliki sejumlah wang atau harta yang banyak, mereka boleh memilih untuk bergantung kepada sumber pendapatan pasif. Contohnya, melalui pulangan dividen ke atas aset simpanan atau harta pelaburan.

Bagi penghasilan harta keluarga, aspek pengurusan kewangan yang kritikal adalah daripada segi pengurusan aliran wang tunai. Dalam pengurusan aliran tunai ini, hasil pendapatan dan perbelanjaan perlu diuruskan dengan teratur untuk memastikan keluarga dapat menghasilkan pendapatan bersih yang positif. Ini amat bergantung kepada tahap pendapatan yang diterima dan corak perbelanjaan isi rumah.

Keluarga yang mempunyai pendapatan yang rendah perlu mengamalkan sikap berjimat cermat dalam perbelanjaan untuk memastikan mereka tidak terjerumus kepada masalah hutang dan bankrap. Sehubungan dengan ini, rasa syukur adalah nilai yang amat penting dalam pengurusan kewangan. Sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah Hadis bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sungguh beruntung orang yang berserah diri, yang diberi rezeki dengan rasa cukup, dan diberikan perasaan cukup oleh Allah atas apa yang telah Dia berikan kepadanya." (HR. Muslim). Tanpa rasa syukur, manusia tidak akan meletakkan batasan terhadap usaha dalam pemerolehan wang dan kekayaan.

Kisah Nabi Yusuf AS khususnya yang berkaitan dengan ramalan Baginda terhadap mimpi tentang tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan tujuh tangkai gandum yang hijau dan tujuh lainnya yang kering, adalah kisah yang amat bermakna dan penuh pengajaran kepada seluruh umat manusia. (Al-Maraghi: 3362-3363). Walaupun ia merupakan realiti yang telah menjadi sejarah sejak ribuan tahun yang lalu tetapi ia boleh menjadi pengajaran yang realistik dan praktikal dalam aspek penyimpanan harta dan tabungan wang bagi masa hadapan dan persediaan kepada pelbagai kemungkinan yang berlaku.

Kisah sejarah ini juga mengajar manusia supaya beringat ketika mempunyai kemampuan (dari pelbagai sudut), senang dan selesa kerana kehidupan manusia ada turun naik dan pasang surutnya. Ia selaras dengan sebuah hadis yang bermaksud: "Manfaatkanlah lima perkara sebelum (datang) lima perkara: masa mudamu sebelum masa tuamu, sihatmu sebelum sakitmu, kayamu sebelum miskinmu, masa lapangmu sebelum masa sibukmu, dan masa hidupmu sebelum datang kematianmu." (HR al-Hakim).

Lebih-lebih lagi persediaan dalam konteks ukhrawi sebagaimana maksud firman Allah SWT: "Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya). Hendaklah setiap diri memerhatikan apa yang telah dia sediakan (daripada amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat menyeluruh pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan." (Al-Hashr [59]: 18).

Sesebuah keluarga mungkin terpaksa berhutang bagi memenuhi keperluan keluarga. Pada umumnya syariah tidak menolak aktiviti berhutang dengan dalil keharusannya berdasarkan firman Allah SWT yang bererti:

“Wahai orang yang beriman, apabila kamu berbelanja secara hutang yang ditentukan pembayaran (atau penghantaran) pada suatu tarikh tertentu, hendaklah kamu menuliskannya...” (Al-Baqarah [2]: 282)

Dalil ini jelas menunjukkan penjualan atau pembelian secara berhutang adalah diterima dan diiktiraf di sisi syarak, dengan syarat urusan niaga berkenaan ditulis dengan terperinci dan adil serta mengadakan saksi (al-Maraghiy, tahun: 655-657) bagi mengelakkan penipuan, kelalaian atau lupa. Dokumentasi perlu disediakan tanpa mengira bentuk perhubungan antara peminjam dengan pihak yang memberi hutang, hatta antara adik-beradik, suami isteri atau kaum kerabat sendiri. Hal ini menunjukkan betapa tegasnya syariah dalam memberi perlindungan kepada pihak-pihak yang mempunyai hak dan yang berkepentingan.

Walaupun hukum berhutang atau memberi hutang itu pada asalnya harus, tetapi hukum tersebut boleh berubah menjadi sunat, makruh, wajib ataupun haram, berdasarkan keadaan pihak peminjam. Jika pihak peminjam benar-benar berada dalam kesusahan atau berada dalam keadaan bahaya sehingga boleh mengancam nyawanya atau nyawa mereka yang berada di bawah tanggungannya, maka tindakan untuk berhutang itu menjadi wajib demi menjaga nyawanya, atau ahli keluarganya.

Sebagaimana yang telah disentuh pada awal perbincangan betapa syariah diturunkan adalah untuk memelihara perkara yang lima tersebut. Dalam hal ini, Baginda Rasulullah SAW sendiri pernah berhutang untuk membeli makanan daripada seorang peniaga berbangsa Yahudi dengan mencagarkan baju besi Baginda (HR Imam Al-Bukhari - sahih).

Namun, pembelian sesuatu barangan dengan cara berhutang tanpa sebab kukuh merupakan suatu perkara yang kurang sihat menurut pandangan Islam, dan tidak mencerminkan keperibadian Muslim yang baik. Justeru itu, perkara ini perlu dielakkan.

Jika peminjaman dibuat tanpa pertimbangan yang rasional dan jumlah hutang yang dibuat adalah melebihi kemampuan yang ada serta tiada perancangan yang kemas bagi menyelesaikan hutang berkenaan, keadaan ini boleh menyebabkan seseorang itu berada pada satu keadaan hina, mengalami perasaan yang tidak tenang, kerisauan yang berpanjangan dan masalah-masalah emosi yang lain.

Dalam hal ini Nabi SAW memberi amaran dengan sabdanya yang bermaksud: "Diampunkan semua dosa bagi orang yang mati syahid, kecuali jika ia mempunyai hutang (kepada manusia)." (Riwayat Muslim: 6/38). Selanjutnya Baginda SAW memberi peringatan lain terhadap individu yang berhutang atau membuat pinjaman tetapi berniat enggan untuk memulangkannya semula dengan maksud sabda Baginda: "Barang siapa yang meminjam harta orang lain dengan niat ingin mengembalikannya, Allah akan mengembalikannya, namun barang siapa yang meminjamnya dengan niat ingin merugikannya, Allah pun akan merugikannya" (Riwayat Al-Bukhari, 2/83). Malah Rasulullah SAW juga sering berdoa dengan memohon perlindungan

daripada hutang kerana pada Baginda, seseorang yang berhutang akan berdusta dalam bicaranya, dan apabila berjanji, ia akan mengingkari janji. (Riwayat Al-Bukhari, 1/214).

Daripada perspektif *maqasid al-shariah*, sesebuah keluarga perlu memainkan peranan untuk memastikan *hifz al-mal* (perlindungan harta) tercapai. Dalam hal ini, isi rumah perlu menghasilkan pendapatan aktif daripada sumber ekonomi halal, manakala pendapatan pasif boleh dihasilkan melalui pelaburan dalam produk patuh syariah. Penglibatan isi rumah dalam aktiviti ekonomi halal dan kewangan patuh syariah bukan sahaja dapat melindungi harta umat Islam tetapi juga meningkatkan nilai ekonomi umat Islam sendiri. Apabila isi rumah melakukan perbelanjaan kewangan terhadap barangan halal misalnya, ini dapat meningkatkan perniagaan sesama umat Islam dan mengurangkan aliran kewangan di luar kelompok umat Islam.

Sesebuah keluarga mungkin mengadakan simpanan untuk memenuhi ibadat seperti umrah dan haji. Hukum menunaikan ibadah haji adalah wajib ke atas semua umat Islam yang mempunyai kemampuan dari sudut fizikal dan kewangan. Walau bagaimanapun, hukum wajib hanya jatuh pada ibadah yang dilakukan buat kali pertama sahaja. Oleh yang demikian, individu Muslim perlu memahami soal keutamaan (*awlawiyyat*) dalam pengendalian wang peribadi.

Menurut Islam, penggunaan wang yang ada untuk melaksanakan ibadah umrah atau haji buat kali kedua atau seterusnya, sebenarnya adalah lebih baik dan besar pahalanya jika wang berkenaan disalurkan kepada perkara yang lebih utama seperti melupuskan pembayaran hutang peribadi yang masih berbaki (Zaharuddin, 14 April 2017). Malangnya, ketidakfahaman kebanyakan umat Islam hari ini menyebabkan mereka kerap mendahulukan sesuatu yang kurang penting berbanding yang lebih penting.

Dalam hal ini, al-Qaradawi mengajak individu Muslim untuk melihat keadaan saudara seIslam yang lain terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan hasrat mereka untuk melakukan kedua-dua ibadah ini secara berulang sedangkan pada masa yang sama saudara seIslam yang lain menghadapi kesukaran yang melampau dalam kehidupan. Di satu sudut dunia yang lain umat Islam mengalami peperangan, menjadi pelarian, kedinginan tanpa selimut dan pakaian sesuai serta kebuluran. Adalah menjadi keperluan yang mendesak sehingga perkara sunat itu boleh ditinggalkan, dan pembiayaan tersebut disalurkan untuk membantu mereka yang kelaparan, memberi pakaian yang sesuai, perubatan kepada yang sakit dan terlantar, membantu mereka yang kehilangan tempat tinggal, memelihara anak-anak yatim, orang tua, janda, orang cacat serta kurang upaya, malah menyalurkannya dalam persenjataan supaya mereka dapat mempertahankan diri (al-Qaradawi, 1992: 196).

3.2 Pengumpulan Harta Keluarga

Pengumpulan harta keluarga merujuk kepada proses pengurusan kewangan bagi menambah aset keluarga sama ada dalam bentuk wang atau harta. Proses ini menuruti langkah pertama dalam pengurusan kewangan, iaitu penghasilan harta. Dalam proses penghasilan harta, isi rumah melibatkan diri untuk memperoleh wang pendapatan dan membuat simpanan sekiranya terdapat lebihan daripada perbelanjaan. Jumlah simpanan amat bergantung kepada tahap pendapatan yang diterima; semakin tinggi tahap pendapatan isi rumah, semakin tinggi jumlah simpanan, *ceteris paribus*.

Dalam jangka masa tertentu, isi rumah boleh menggunakan simpanan yang terkumpul untuk memperoleh harta bagi keluarga. Contohnya, kenderaan, rumah, tanah dan sebagainya. Berbeza dengan barangan pengguna seperti telefon, komputer atau perabot rumah yang dibuat secara tunai, pemilikan harta seperti kenderaan, rumah dan tanah lazimnya dibuat melalui transaksi sewa beli atau pinjaman.

Bagi pengumpulan harta dalam bentuk kewangan, isi rumah boleh menggunakan lebih simpanan sebagai modal untuk pelaburan dalam instrumen-instrumen kewangan seperti unit amanah atau saham yang disenaraikan di pasaran ekuiti. Berbeza dengan harta berbentuk fizikal seperti kenderaan dan rumah, harta kewangan terdedah kepada risiko kerugian melalui turun naik nilai pelaburan.

Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pelaburan amat penting dalam proses pengumpulan harta. Sesebuah keluarga yang berhajat untuk mengumpul dan mengembangkan harta terdedah kepada risiko untuk bankrap sekiranya tidak mampu untuk membayar pinjaman kenderaan atau rumah yang telah dibuat. Begitu juga dengan aset pelaburan kewangan di mana sesebuah keluarga terpaksa menanggung kerugian sekiranya nilai aset kewangan atau pelaburan menurun. Kedudukan kewangan menjadi lebih kritikal sekiranya keluarga terlibat dalam skim pelaburan yang tidak diiktiraf atau melakukan pinjaman bagi menghasilkan modal pelaburan.

Proses pengumpulan harta dalam *maqasid al-shariah* bertujuan untuk memastikan harta umat Islam dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya bagi menghasilkan ekonomi yang produktif. Dalam hal ini, sesebuah keluarga memainkan peranan untuk memastikan pemilikan harta dikembangkan bagi faedah umat Islam secara keseluruhannya sebagaimana firman Allah SWT: “Harta kekayaan tidak harus berlegar hanya dalam kalangan orang kaya dalam kalangan kamu” (Al-Hasyr [2]: 7). Dalam aspek pemilikan tanah misalnya, umat Islam digalakkan untuk melakukan *mumalat* yang dapat mengelakkan harta berpindah milik dari tangan umat Islam kepada bukan Islam. Pelaburan dalam instrumen-instrumen kewangan yang dimiliki oleh umat Islam juga adalah lebih baik bagi memastikan keuntungan pelaburan dan peningkatan aset dapat dinikmati oleh umat Islam.

3.3 Perlindungan Harta Keluarga

Perlindungan harta merupakan proses pengurusan kewangan untuk melindungi harta sama ada daripada risiko yang berkaitan nyawa atau harta keluarga. Proses ini amat penting untuk memastikan harta yang telah dikumpulkan dapat terus dimanfaatkan oleh ahli keluarga sekiranya berlaku sebarang musibah. Sebagai contoh, harta milikan keluarga seperti kenderaan terdedah kepada risiko kemalangan, manakala harta seperti rumah terdedah kepada risiko kebakaran. Bagi aset seperti telefon, komputer atau perabot rumah pula terdedah kepada risiko kecurian atau kerosakan.

Oleh itu, sesebuah keluarga perlu memastikan bahawa harta mereka yang telah terkumpul turut dilengkapi dengan aspek pengurusan kewangan bagi melindungi harta-harta tersebut dapat terus bertahan. Isi rumah boleh melindungi harta-harta mereka melalui sumbangan ke dalam pelan-pelan *takaful* yang sesuai. Melalui pelan takaful, dana yang dikumpulkan oleh setiap ahli ke dalam pelan tersebut akan disumbangkan kepada ahli-ahli lain yang menghadapi kemalangan,

kebakaran atau kecurian terhadap harta benda mereka. Dengan cara ini, sesebuah keluarga yang kehilangan harta benda dapat menggantikan harta benda tersebut tanpa perlu melalui proses pengumpulan wang atau harta semula.

Sesebuah keluarga juga akan menghadapi kesulitan sekiranya ahli keluarga yang menjalankan peranan untuk mencari nafkah atau menyumbang kepada pendapatan isi rumah menghadapi masalah kesihatan, kecederaan fizikal, kemalangan atau kematian. Sekiranya perkara ini berlaku, sesebuah keluarga bukan sahaja menghadapi kesulitan kerana tidak dapat meneruskan pekerjaan atau perniagaan untuk memperoleh pendapatan bagi menampung perbelanjaan tetapi juga menghadapi risiko untuk kehilangan harta benda sekiranya proses pemilikan harta dibuat melalui pinjaman. Tanpa sumber pendapatan, sesebuah keluarga menghadapi masalah kehilangan rumah dan tempat tinggal akibat daripada kegagalan melunaskan bayaran pinjaman.

Proses pengurusan kewangan bagi tujuan perlindungan harta keluarga boleh dilakukan melalui penglibatan dalam pelan takaful keluarga atau takaful am. Takaful keluarga bertujuan untuk melindungi risiko berkaitan kesihatan atau nyawa, manakala takaful am bertujuan untuk melindungi risiko kehilangan harta benda. Terdapat pelbagai variasi pelan-pelan takaful yang boleh dimanfaatkan oleh keluarga yang bukan sahaja menawarkan faedah perlindungan harta atau nyawa tetapi juga sebagai satu alternatif simpanan atau pelaburan kepada keluarga.

Proses perlindungan harta dalam *maqasid al-shariah* adalah selari dalam konteks *hifz al-mal* (perlindungan harta). Dana takaful melibatkan sumbangan kepada sesama ahli yang menghadapi sebarang musibah. Konsep sumbangan ini amat penting untuk menggalakkan sikap saling bantu-membantu sesama manusia sebagaimana firman Allah SWT: "Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong sebahagian yang lain" (At-Taubah [9]: 71).

Sejumlah wang yang terkumpul dalam dana takaful dan tidak untuk disalurkan sebagai sumbangan kepada ahli-ahli yang mengalami musibah boleh digunakan untuk meningkatkan pendapatan melalui aktiviti pelaburan. Ini dapat membantu ekonomi umat Islam kerana penjana pendapatan dana hanya akan dilakukan dalam pelaburan patuh syariah.

3.4 Pengagihan Harta Keluarga

Proses pengagihan harta secara umum melibatkan kepada pengurusan perwarisan harta sekiranya berlaku kematian. Dalam konteks kekeluargaan, proses pengagihan harta juga boleh berlaku apabila wujud perceraian antara pasangan suami dan isteri.

Proses perwarisan harta terutama bagi keluarga yang memiliki sejumlah harta yang banyak boleh mengambil masa yang panjang kerana proses dan prosedur mahkamah yang terpaksa dilalui. Perkara ini boleh menjadi lebih rumit apabila proses pengagihan harta melibatkan ahli keluarga yang besar. Contohnya, keluarga yang melibatkan suami berpoligami, anak-anak yang ramai daripada bekas isteri atau ibu bapa yang telah bercerai. Situasi ini menimbulkan kesukaran apabila ahli keluarga tidak dapat menggunakan wang perbelanjaan daripada aset tunai yang sedang melalui proses pertukaran nama pemilik. Masalah juga boleh timbul apabila wujud

pertelingkahan daripada kalangan ahli keluarga bagi kegunaan rumah dan kenderaan atau hasil perniagaan yang sedang melalui proses pertukaran hak milik.

Faraid adalah mekanisme yang tersedia dalam syariah jika seseorang pemilik harta tidak menguruskan wang dan harta yang ada semasa hidupnya. Dalam hal pengurusan harta kekeluargaan Islam, faraid hanya memperuntukkan bahagian harta kepada ahli-ahli waris sahaja. Malah boleh berlaku keadaan dengan terhalangnya waris daripada mendapat harta si mati, sedangkan realitinya ia seorang yang amat memerlukan pelbagai keperluan demi kelangsungan hidup.

Bagi mengurangkan kesukaran yang boleh berlaku dalam proses pengagihan harta kerana kematian, sesebuah keluarga boleh mengatur urusan agihan harta melalui instrumen seperti wasiat, hibah, dana amanah keluarga atau wakaf keluarga. Setiap instrumen sama ada wasiat, hibah atau wakaf keluarga misalnya, mempunyai fungsi yang berbeza sesuai dengan tujuan agihan harta yang ingin dilaksanakan oleh pemilik harta kepada waris keluarga.

Dalam satu permasalahan yang melibatkan wasiat, Baginda Rasulullah SAW berpesan dengan maksudnya: "Sesungguhnya engkau tinggalkan ahli waris engkau itu kaya lebih baik daripada engkau tinggalkan dalam kemiskinan (serta) meminta-minta kepada manusia." (HR Bukhari).

Wasiat adalah instrumen yang boleh digunakan sekiranya dalam sesebuah keluarga terdapat waris-waris yang terhalang daripada menerima pusaka sedangkan mereka sangat memerlukan pembelaan bagi melangsungkan kehidupan. Antaranya termasuk saudara perempuan, ibu saudara yang terlantar kesakitan, cucu perempuan atau lelaki yang masih kecil serta anak yatim. Mereka tergolong sebagai waris dalam keluarga tetapi tidak berhak terhadap pusaka apabila pemilik harta yang telah meninggal mempunyai anak lelaki yang kewujudannya akan menghalang waris-waris tersebut untuk memperoleh harta pusaka. Jika pemilik harta membuat wasiat ketika hidupnya, wasiat ini dapat membela kehidupan waris-waris yang disebutkan setelah seseorang itu mati.

Hibah pula merupakan instrumen paling fleksibel kerana agama Islam tidak menetapkan kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan. Dalam hal ini hadiah dan sedekah adalah sebahagian daripada hibah dengan kriteria dan justifikasi tersendiri. Sifatnya yang fleksibel adalah kerana pemberi hibah boleh membuat pertimbangan secara mutlak terhadap bentuk dan kadar harta yang ingin dihibahkan. Walaupun begitu, Islam menyarankan agar hibah dilaksanakan secara adil, lebih-lebih lagi jika penerimanya adalah anak-anak sesebuah keluarga.

Jumhur ulama dari kalangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie berpendapat bahawa sunat hukumnya untuk menyamakan pemberian antara anak-anak. Manakala pemberian dengan melebihkan sebahagian daripada mereka adalah makruh hukumnya, sekalipun sah di sisi syarak. Bagi Abu Yusuf, melebihkan pemberian kepada sebahagian daripada anak-anak adalah diharuskan jika ibu bapa tidak berniat menimbulkan bahaya kepada anak-anak yang lain. Sekiranya ibu bapa berniat sedemikian, maka menjadi kewajipan mereka menyamakan pemberian tersebut. Menurut Mazhab Hanbali, keadilan dalam pemberian hibah kepada anak-anak merupakan perkara yang wajib. Manakala menurut Imam Malik, tidak boleh memberi hibah semua harta kepada sesetengah anaknya dan tidak kepada yang lain (MAIS, 13 Mei 2015).

Menurut pendapat Abu Yusuf, Hanafi, Maliki dan Syafie, cara pemberian harta yang adil kepada anak-anak semasa hayat adalah dengan menyamakan pemberian tersebut tanpa membezakan di antara anak lelaki dan anak perempuan. Sebaliknya, golongan Hanbali dan Muhammad bin Hassan al-Shaybani berpendapat bahawa keadilan yang dikehendaki dalam pemberian adalah mengikut kadar mereka dalam pembahagian harta pusaka, iaitu bahagian anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan.

Pandangan-pandangan yang diberikan ulama mengenai hibah ini sesuatu yang amat menarik dan boleh memberikan kepelbagaian syor untuk membuat hibah atau pemberian kepada ahli keluarga. Apa yang diperlukan adalah kebijaksanaan menilai keperluan anak masing-masing dan suasana kekeluargaan yang ada. Kebijaksanaan dalam membuat pertimbangan inilah yang akan menghasilkan *maslahah* kepada keluarga yang terlibat dan mengelakkan hubungan yang tidak baik sesama ahli keluarga.

Selain daripada kematian, pengurusan pengagihan harta keluarga juga berlaku kerana proses perceraian. Ini berlaku bagi keluarga yang melibatkan pasangan suami dan isteri yang bersama-sama menyumbang pendapatan kepada penghasilan harta keluarga. Dalam situasi ini, pengurusan pengagihan harta melibatkan harta sepencarian atau harta bawaan.

Pengurusan pengagihan harta keluarga menurut *maqasid al-shariah* adalah untuk memastikan harta keluarga umat Islam dilindungi dan diwarisi selagi mana mereka menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Apabila berlaku murtad di kalangan ahli keluarga misalnya, ahli keluarga bukan Muslim tidak layak mewarisi harta keluarga Muslim. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang kafir dan orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang Islam.” (Hadis Riwayat Muttafaqun’alaihi).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Jan 2004 telah memutuskan bahawa: 1) Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya; 2) Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan (contohnya, simpanan KWSP) dan telah menamakan penama orang bukan Islam, maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka wang KWSP hendaklah diserahkan kepada Baitulmal; dan 3) Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tetapi tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

3.5 Penyucian Harta Keluarga

Pengurusan penyucian harta keluarga melibatkan proses pengagihan harta daripada keluarga yang berkemampuan kepada umat Islam yang tidak berkemampuan daripada segi kewangan dan ekonomi. Proses pengagihan harta juga boleh berlaku dengan tujuan untuk ‘menyucikan’ harta syubhah atau haram yang mungkin diperoleh sama ada secara sengaja atau tidak sengaja oleh isi rumah.

Dalam hal ini, ketua keluarga wajib menunaikan tanggungjawab untuk membayar zakat fitrah bagi ahli keluarga yang menjadi tanggungannya. Sesebuah keluarga juga perlu memastikan penyucian harta melalui zakat pendapatan atau zakat harta diuruskan mengikut perkiraan yang telah ditentukan oleh hukum syarak.

Zakat menjadi satu kewajiban bagi umat Islam sama ada secara individu atau keluarga. Namun, dalam konteks kekeluargaan, proses penyucian juga boleh dilakukan dalam bentuk infaq atau sedekah. Bebeza dengan zakat yang merupakan pengurusan penyucian harta yang wajib, infaq dan sedekah merupakan aktiviti penyucian secara sukarela.

Menurut syariah, wang dan harta benda bukanlah matlamat akhir seorang Muslim. Malah ia berfungsi sebagai alat untuk mencapai matlamat yang sebenar, iaitu mendapat keredaan Allah SWT (*mardhatillah*). Setiap individu diwajibkan untuk tidak menyimpan harta melebihi daripada keperluan diri dan keluarga, modal pekerjaan atau perniagaannya, dan memerintahkannya supaya membelanjakan lebih wang demi kepentingan umum (al-Jammal, 1992: 224), sesuai dengan maksud firman Allah SWT: "Berilah kepada mereka daripada harta Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu." (An-Nur [24]: 24).

Zakat adalah instrumen yang disediakan syariah dalam menyucikan harta yang diperoleh dan dimiliki. Mekanisme ini diwajibkan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk): dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (At-Taubah [9]: 103).

Walau bagaimanapun pelaksanaan zakat hanya diwajibkan apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi iaitu ke atas orang Islam yang merdeka, berfikiran sempurna, cukup umur, tidak memiliki hutang, harta berkenaan mencukupi nisab, mempunyai lebih daripada keperluan asas, dan harta yang terlibat menjadi milik yang sempurna kepada pemiliknya daripada awal hingga akhir tahun (al-Jammal: 227).

Oleh sebab pelaksanaan zakat hanya wajib ditunaikan apabila syarat-syarat tertentu ditepati, maka alternatif lain yang mempunyai fungsi dan hikmah yang sama adalah dengan memberi sedekah. Sedekah adalah aktiviti yang amat digalakkan (sunat hukumnya) dan tiada sebarang syarat ketat yang perlu dipatuhi sepertimana zakat. Sedekah bukan sahaja meraih pahala kepada pemberi zakat, malah mempunyai hikmah-hikmah yang tersendiri sebagaimana sabda Rasulullah SAW daripada Amru bin Auf RA yang bermaksud:

"Sesungguhnya sedekah seseorang Islam itu memanjangkan umur dan mencegah daripada *su'ul khatimah* dan daripada sedekah Allah SWT akan menghapuskan sikap sombong, takbur dan membanggakan diri (daripada pemberiannya)." (HR al-Bukhari).

Aktiviti bersedekah adalah digalakkan untuk dilaksanakan dengan mengutamakan kaum kerabat yang terdekat sebagaimana Rasulullah SAW bersabda dengan maknanya: "Sedekah kepada orang miskin adalah sedekah, manakala sedekah kepada keluarga terdapat dua fadilat iaitu fadilat sedekah dan fadilat silaturahim." (HR at-Tirmidhi).

Setiap manusia yang beriman akan mengharapkan berada di syurga sebagai tempat tinggal yang abadi. Dalam hal ini, apa sahaja bentuk kebaikan akan menerbitkan pahala, dan pahala itu akan tersimpan sehinggalah tibanya Hari Perhitungan. Sebagaimana yang difirmankan Allah dengan maksudnya: "Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali

akan diingkari (daripada mendapat pahalanya). Dan (ingatlah) Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa." (Ali Imran [3]: 115).

Walau bagaimanapun, manusia tentunya akan cuba melakukan sesuatu supaya perbuatan atau keputusan yang dibuat akan menerbitkan pahala yang berpanjangan kerana kefahaman ini selaras dengan maksud sebuah hadis yang berbunyi: "Apabila seorang manusia mati segala amalannya akan terputus kecuali daripada tiga sumber: sedekah jariah, ilmu yang boleh dimanfaatkan atau anak soleh yang sering mendoakannya." (HR Abu Hurairah RA). Di sini, ulama mentakrifkan "amal jariah" sebagai wakaf (Mustofa al-Khin, 2005: 1001).

Wakaf pertama dalam dunia Islam adalah keputusan Sayidina Umar al-Khattab RA apabila menerima sebidang tanah di Khaibar yang kemudiannya dijadikan sebagai tanah wakaf, dan hasil yang terbit daripada tanah tersebut disedekahkan kepada fakir miskin, orang-orang yang memerlukan dan para tetamu yang datang bertamu. (HR al-Bukhari). Wakaf kemudiannya menjadi amalan dan budaya kalangan para sahabat sehinggakan Jabir RA pernah menyebut: "Tidak ada seorang pun dalam kalangan sahabat yang berkemampuan tetapi tidak mewakafkan hartanya." (Mustofa al-Khin: 1002).

Mewakafkan sesuatu yang faedahnya boleh dinikmati secara berterusan adalah tindakan paling bijaksana dalam menyambut kenyataan yang terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Kamu tidak sekali-kali akan mencapai kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayang." (Ali Imran [3]: 92).

Wakaf bukan sahaja medium yang dapat mendekatkan lagi hubungan seorang hamba dengan Penciptanya, tetapi ia juga boleh digunakan bagi mencapai kepentingan agama. Sekiranya harta-harta wakaf ini diuruskan dengan baik, ia boleh menjadi aset bagi mencapai kepentingan masyarakat Islam seperti pembinaan masjid, pusat-pusat pengajian dan aktiviti yang boleh menegakkan syiar Islam. (Mustofa al-Khin: 1003).

Aspek penyucian harta menurut *maqasid al-shariah* adalah bertujuan untuk memastikan ekonomi umat Islam dijalankan dengan adil dan penuh rasa kasih sayang sesama umat Islam. Dalam hal ini, Islam mengutamakan kewajipan mengeluarkan zakat supaya golongan fakir dan miskin dapat terus menjalankan kehidupan melalui sumbangan zakat. Melalui galakan mengeluarkan infak dan sedekah, keluarga umat Islam dapat hidup dalam keadaan ekonomi yang seimbang di mana pemilikan harta tidak berlegar-legar di kalangan golongan kaya sahaja. Amalan infak dan sedekah dapat memberi peluang untuk keluarga dari kelas bawahan dan pertengahan untuk turut menikmati harta yang dimiliki oleh golongan kaya dan atasan.

4.0 Kesimpulan

Harta atau wang adalah perkara asas yang perlu dimiliki dan diuruskan oleh setiap keluarga bagi menjamin kelangsungan hidup yang selesa, teratur dan terancang. Ia mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan empat perkara lain yang menjadi tujuan syariah (*maqasid al-shariah*) iaitu kesejahteraan agama, nyawa, akal dan keturunan.

Berbeza dengan pengurusan kewangan konvensional yang lebih bersifat duniawi, konsep pengurusan kewangan Islam lebih bersifat ukhrawi di mana usaha untuk memperoleh dan

menguruskan harta menjadi amanah bukan sahaja di dunia tetapi juga pulangan di akhirat. Hal ini kerana harta menjadi alat dan bukannya semata-mata matlamat untuk mendapatkan keredaan daripada Allah SWT (*mardhatillah*).

Pengurusan kewangan Islam melibatkan lima proses iaitu penghasilan harta, pengumpulan harta, perlindungan harta, pengagihan harta dan penyucian harta. Kelima-lima proses ini perlu diuruskan dengan baik dan dihayati dalam kerangka *maqasid al-shariah*. Kertas kerja ini telah menghuraikan aspek pengurusan kewangan Islam yang memberi fokus kepada kewangan keluarga berlandaskan *maqasid al-shariah*.

Usaha ke arah pembentukan kesejahteraan keluarga Islam tidak dapat dilaksanakan tanpa penguasaan kewangan yang baik, sekalipun ekonomi berada dalam keadaan yang kukuh. Kajian lanjut boleh dijalankan untuk mendalami konsep pengurusan kewangan keluarga Islam serta mengenal pasti kesesuaian konsep terhadap profil keluarga Islam, khususnya di Malaysia. Konsep yang telah diuraikan boleh dijadikan sebagai panduan untuk membentuk modul pengurusan kewangan keluarga Muslim, polisi pengeluaran produk kewangan keluarga Islam atau input pembentukan polisi ekonomi keluarga yang selari dengan *maqasid al-shariah*.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Al-Quran: Mushaf Malaysia dan Terjemahan. Cetakan Kedua. Shah Alam: Yayasan Restu, 2006.

Abdul Walid Abu Hassan. *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia, 2016.

Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md Supi (eds.). *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2006.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shariah al-Islamiyah*. Cet. 6. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2000.

Al-Jammal, Muhammad Abdul Mun'im (Dr.). *Ensiklopedia Islam*. Terj. Salahuddin Abdullah. Jil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1992.

Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. *Tafsir al-Maraghiy*. Terj. Muhammad Thalib. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: DBP, 2001.

Al-Qaradawi, Yusuf. *Fiqh Keutamaan: Berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah*. Terj. Bahruddin Fannani. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1996.

Al-Raisuni, Ahmad. *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. t.tp: al-Ma'had li al-Fikr al-Islami, t.th.

Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa al-Lakhmi. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Ed. Abdullah Darraz. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Laporan Indeks Syariah Malaysia*, 2017.

Jasser Auda. *Memahami Maqasid Syariah*. Terj. Marwan Bukhari bin A. Hamid. Edisi Kemas Kini. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014.

Mahmood Zuhdi, Mek Wok Mahmud dan Akhtarzaite Abdul Aziz (eds.). *Maqasid al-Syariah*. International Islamic University Malaysia (IIUM): IIUM Press, 2012.

Mohd Nor Mamat et. al (eds.). *Insan dan Manhaj Ketuhanan*. Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, 2004.

Mohd. Saleh Ahmad. Pengantar Syariat Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999.

Murat Cizakca. *Democracy, economic development and maqasid al-shariah*. Review of Islamic Economics 1, 101-118, 2007.

Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji (eds.). Kitab Fikah Mazhab Syafie: Wakaf, Wasiat, Faraid. Jil. 5. Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd, 2005.

Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (eds.). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2004.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia*, 2013.

Usul Fiqh 01. "Masalih al-Mursalah." <http://usulfiqh1.blogspot.my/2010/04/masalih-al-mursalah.html> (capaian pada 28 Mac 2018).

Wafa Mohammed Ali Nasr. *Maqasid Al Shariah in Wealth Management*. Journal of Wealth Mangement and Financial Planning, June 2015.

Web Master. "Hibah, 13 Mei 2015." <http://www.mais.gov.my/perkhidmatan/perkhidmatan-baitulmal/pengurusan-hibah?start=2> (capaian pada 27 Mac 2018).

Zaharuddin Abdul Rahman (Dr.). "Apa hukum berhutang dalam Islam yang anda perlu tahu?, 14 April 2017" <http://www.halalmoney.my/apa-hukum-berhutang-dalam-islam-yang-anda-perlu-tahu/> (capaian pada 24 Mac 2018)